

Bantu masjid dilanda banjir

SINAR HARIAN 24 JAN 2015 m/s 39 SENTRAL

KUANTAN-Kempen 1 Makmum 1 Sejadah diharap dapat mengembalikan keadaan masjid atau surau dan mereka yang memerlukan selepas tabah menghadapi bencana banjir awal tahun ini.

Kempen anjuran Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyasarkan kepada masjid, surau, Maahad atau individu yang menjadi mangsa banjir.

Bagaimanapun, hasrat Misi Bantuan Kemanusiaan Pasca banjir Pantai Timur boleh dicapai dengan sumbangan orang ramai melalui kempen berkenaan selain sambutan menggalakkan dari warga kampus UMP.

Ahli Jawatankuasa Kempen 1 Makmum Sejadah, Zainuddin Mat Hussin berkata, kempen berkenaan tidak meletakkan sasaran jumlah sejadah yang diterima atau jumlah wang kerana banyak masjid dan surau yang masih memerlukannya.

Menurutnya, selepas dikenal pasti, beberapa masjid di terutama daerah Pekan, Temerloh dan Jerantut memerlukan sejadah selain masjid di Kelantan yang turut mengalami kerosakan dan kehilangan kemudahan untuk beribadat.

"Selepas mengenal pasti beberapa masjid, kita akan mengagihkan di antara 20

hingga 30 sejadah bergantung pada keperluan di situ," katanya kepada Sinar Harian di sini, semalam.

Katanya, bagi memenuhi keperluan itu, ahli jawatankuasa dengan kerjasama Imam akan memastikan keperluan itu dapat diagihkan kepada masjid terbabit.

"Sejadah yang didermakan itu juga akan disalurkan kepada mana-mana sekolah atau individu yang sangat memerlukan namun bergantung pada jumlah penerimaan (derma)," katanya.

Zainuddin berkata, jawatankuasa itu juga berharap lebih ramai syarikat atau individu yang menderma kerana mereka boleh memberi sumbangan yang sama menggunakan wang berkenaan.

Mereka yang ingin menyumbang sejadah atau wang tunai boleh menghubunginya di talian 09-4245750 atau 0197617557 (UMP Kampus Pekan) atau Mohd Akram Abd Razak di talian 09-5493178 atau 0129383800 (UMP Kampus Gambang).

Penderma juga boleh menyalurkan derma melalui akaun Bank Islam Malaysia Berhad atas nama Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UMP melalui akaun 0610 9010 0910 58.